



JOACHIM (kiri) pada majlis pelancaran itu.

## Visi tingkat penggunaan dan akses pembayaran digital

KERAJAAN Negeri sedang menyediakan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan pembayaran tanpa tunai bagi meningkatkan hasil negeri seperti pembayaran lesen, permit dan kemudahan awam melalui kaedah tanpa tunai, kata Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor.

Beliau berkata, inisiatif itu termasuk aplikasi Sabah Pay yang dilancarkan oleh Perbadanan Pinjaman Sabah dan inisiatif terbaharu YONO (You Only Need One).

"Semasa penularan pandemik Covid-19, orang ramai terpaksa meyakinkan diri mereka untuk menggunakan aplikasi mudah alih untuk membuat pembayaran. Penggunaan aplikasi Sabah Pay itu sendiri berjaya menjana kira-kira RM46 juta setakat 31 Oktober 2023.

"Suatu pekeliling dikeluarkan pada 1 Disember 2022, oleh Kementerian Kewangan Negeri sebagai panduan kepada agensi kerajaan yang menyediakan perkhidmatan C2G (Pelanggan kepada Kerajaan) dan B2G (Perniagaan kepada Kerajaan).

"Antara kaedah pembayaran yang diterima ialah kad kredit, kad debit, kad caj, e-dompet dan perkhidmatan perbankan Internet," katanya ketika merasmikan Program E-Duit Desa Komuniti Cashless di Tamu Pagi Kundasang, Ranau, pada 2 Jun lalu. Ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Menteri II merangkap Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Datuk Seri Dr Joachim Gunsalam.

Ketua Menteri berkata segala usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri adalah untuk kesejahteraan rakyat sekali gus membuktikan keprihatinan membawa pembangunan dan kemajuan, khususnya berkaitan teknologi terkinin kepada rakyat.

"Transaksi tanpa tunai menawarkan banyak

faedah, termasuk kaedah pembayaran yang lebih mudah, pantas dan selamat. Inisiatif ini bukan sahaja memudahkan transaksi harian tetapi juga menyelesaikan isu lama seperti kekurangan ATM di kawasan luar bandar.

"Oleh itu, dalam memastikan pembayaran tanpa tunai memberi manfaat kepada kesejahteraan rakyat secara keseluruhan, Kerajaan Negeri dan Persekutuan akan terus berusaha untuk memastikan infrastruktur komunikasi tersedia. Sehubungan itu, usaha sedang dipergiat untuk menylapkan sejumlah 398 menara telekomunikasi di seluruh Sabah melalui Pelan Jalinan Digital Negara (Jendela) secepat mungkin," katanya.

Mengenai program itu, Hajiji berkata inisiatif Agrobank melalui program ini adalah searas dengan visi Kerajaan Negeri untuk meningkatkan penggunaan dan akses kepada pembayaran digital di seluruh Sabah.

"Dengan menerima pakai pembayaran digital, ia boleh meningkat dan mengukuhkan ke arah ekonomi yang lebih cekap dan telus. Oleh itu, usaha berterusan Agrobank untuk memperkenalkan perkhidmatan pembayaran tanpa tunai di Sabah amat dihargai.

"Saya berharap Program E-Duit Desa Komuniti Cashless Kundasang yang bertujuan mengisyiharkan Ranau sebagai wilayah tanpa tunai, dengan mendidik penduduk tentang penggunaan pembayaran dalam talian dan QR, dapat mencapai matlamatnya dan mendapat sokongan daripada komuniti daerah.

"Pada pendapat saya, ini adalah salah satu inisiatif yang sangat baik dan saya berharap Agrobank akan sentiasa membangunkan dan mengembangkan inisiatif pembayaran tanpa tunai ini ke kawasan lain di Sabah," katanya.